

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM

TARIKH : 18 MAC 2019

SOALAN :

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan adakah pihak Kementerian telah melaksanakan harga lantai pembelian getah (*cup lump*) seperti yang dijanjikan RM2.50, dan apakah kaedahnya sekiranya tidak dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan belum lagi bercadang untuk menetapkan harga lantai bagi getah sekerap. Ini kerana pelaksanaan harga lantai akan memberikan impak kewangan yang besar kepada Kerajaan. Kerajaan belum dapat mempertimbangkan cadangan mewujudkan harga lantai berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

- i. Penetapan harga lantai memerlukan sumber kewangan yang tinggi bagi menyokongnya sekiranya harga getah asli dunia mengalami tren penurunan yang mendadak;
- ii. Menyediakan ruang kepada aktiviti spekulasi harga dalam kalangan para penjual getah dengan menekan harga ke paras rendah dan mengharapkan Kerajaan akan menampung perbezaan di antara harga pasaran dan harga lantai; dan
- iii. Menyediakan ruang kepada aktiviti penyeludupan getah dari luar negara memandangkan harga tempatan adalah lebih tinggi berbanding dengan harga antarabangsa.

Namun begitu, Kerajaan tentunya amat prihatin dengan cabaran yang dihadapi oleh pekebun kecil getah terutamanya apabila berlaku kejatuhan harga pasaran getah. Sehubungan itu, Kerajaan terus melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) sebagai langkah untuk menstabilkan harga dan pengeluaran getah. Berdasarkan harga getah yang terlalu rendah pada penghujung tahun 2018, Kerajaan telah menambahbaik pelaksanaan IPG pada 21 November 2018 dengan menaikkan Paras Harga Pengaktifan (PHP) daripada RM2.20 kepada RM2.50 sekilogram getah sekerap. Kadar PHP baru ini telah berkuat kuasa bermula 1 Januari 2019 dan Kementerian melalui LGM telah menyalurkan IPG dengan kadar baru ini bermula awal Februari 2019.